

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HKB 213 – KESUSASTERAAN AFRIKA MODEN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Huraikan maksud *Negritude* dan *Agenda the Big Three*. Berdasarkan huraian itu, dan contoh-contoh karya yang sesuai, bandingkan corak perjuangan kedua-dua pergerakan tersebut dalam usaha para pengarang dan sarjana Afrika memartabatkan bangsa dan warisan Kesusasteraan Afrika di persada antarabangsa.
2. Harold Scebucb dalam tulisannya berjudul "When a Man Fails Alone", menyatakan pengorbanan dan perjuangan Okonkwo selaku watak utama dalam novel ***Things Fall Apart [Okonkwo]*** karya Chinua Achebe berakhir sebagai "empty man". Bahaskan pernyataan tersebut.
3. Menerusi novel ***The Beautiful Ones Are Not Yet Born [Yang Indah Belum Menjelma Lagi]***, pengarangnya Ayi Kwei Armah membentangkan situasi Ghana yang dicengkam dengan krisis ekonomi, sosial dan politik di bawah pemerintahan Regim Kwame Nkrumah. Pada pandangan anda mengapakah Armah tidak mengemukakan sebarang cadangan "yang indah-indah" untuk mengubah situasi Ghana?
4. Telitikan petikan berikut dari novel ***Cry Freedom [Laungan Kebebasan]*** karya John Briley:

"... Dia sangat agung, Ntsiki," seorang lelaki yang akan sentiasa dikenang oleh dunia. Aku harap ingatan tentang apa yang kau alami bersamanya akan meringankan kesengsaraanmu ..."  
[hlm: 204].

Berdasarkan petikan tersebut:

- [a] Jelaskan siapakah yang dimaksudkan dengan "dia sangat agung" dan siapakah pula yang mengungkapkan kata-kata tersebut? Huraikan dengan contoh-contoh peristiwa yang sesuai mengapa "dia sangat agung" dianggap "lelaki yang akan sentiasa dikenang oleh dunia."
- [b] Bincangkan secara kritis sejauhmanakah pengarang berjaya menggabungkan di antara unsur-unsur sastera dengan fakta sejarah untuk menghasilkan mesej cerita yang berkesan?

5. Telitikan dialog dari drama *Death and the King's Horseman* karya Wole Soyinka:  
Iyaloja: Now forget the dead, forget even the living. Turn your mind only to the unborn (hlm: 84).  
Berpandukan petikan di atas dan dengan mengambil kira fahaman Yoruba iaitu "the world is a market place, heaven is home", huraikan falsafah Wole Soyinka tentang kemanusiaan, kematian dan tingkat-tingkat kosmologi Yoruba yang menjadi idea asas drama tersebut.
6. Bincangkan secara kritis bagaimana Christina Ama Ata Aidoo dan Catherine Obianuju Ocholonu menggabungkan elemen masa lalu dan masa depan dalam masa kini untuk memperlihatkan konflik dalaman watak-watak utama dalam cerpen "Cut Me a Drink" dan "Mother Was a Great Man".
7. Dalam kalangan sarjana kulit hitam Afrika, Amos Tutuola digelar sebagai "the true Yoruba flavour", manakala Dambudzo Marechera telah diselar sebagai "the man who betrayed Africa". Dengan meneliti persoalan-persoalan dalam cerpen "Feather Women of the Jungle" dan "Black Skin What Mask" perlihatkan sejauhmana gelaran dan selaran itu dapat dikesan.